

SOALAN LAZIM – SYARIKAT AM

1. SYARIKAT BARU

S1: Sekiranya syarikat belum memulakan perniagaan (tidak aktif), tetapi telah mempunyai nombor rujukan cukai, adakah syarikat perlu menghantar Borang C?

J1: Setiap syarikat yang telah diperbadankan, sama ada dormant atau belum beroperasi perlu ada fail cukai pendapatan dan dikehendaki mengemukakan Borang C bagi setiap tahun taksiran.

S2: Syarikat belum memulakan perniagaan tetapi ada menerima pendapatan lain (sewa/dividen/faedah). Perlukah syarikat membuat pendaftaran dan menghantar borang C?

J2: Syarikat perlu mengemukakan Borang C kerana pendapatan tersebut adalah pendapatan yang layak dikenakan cukai.

S3: Syarikat telah beroperasi tetapi masih belum mempunyai nombor rujukan cukai C. Bagaimanakah syarikat boleh menghantar Borang C? Apakah yang perlu dilakukan?

J3: Syarikat perlu membuat pendaftaran nombor cukai pendapatan sama ada:

a) Secara “online” dengan menggunakan aplikasi e-Daftar di portal rasmi LHDNM; atau

b) ke cawangan LHDNM yang terdekat sebelum mengemukakan Borang C tersebut.

Untuk mendapatkan borang pendaftaran fail cukai syarikat, sila muat turun Borang CP600C di portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my > Borang > Borang Nyata > Pendaftaran > CP600C :

Sila kemukakan dokumen berikut bersama-sama dengan borang pendaftaran :

i) untuk Syarikat Sdn. Bhd.

a) Borang 9 – Perakuan pemerbadanan syarikat sendirian

b) Borang 49 – Daftar Pengarah, Pengurus & Setiausaha dan Perubahan Maklumat

ii) Syarikat Berhad

a) Borang 8 – Perakuan pemerbadanan syarikat awam yang telah disahkan

b) Borang 49 – Daftar Pengarah, Pengurus & Setiausaha dan Perubahan Maklumat

iii) Syarikat Tidak Mastautin

a) Borang 83 – Sijil Pendaftaran Syarikat Asing

b) Borang 79 – Senarai & Butir-butir Pengarah Syarikat Asing

S4: Bilakah tarikh akhir untuk mengemukakan Borang C?

J4: Tarikh akhir pengemukaan Borang C ialah 7 bulan dari tarikh akhir perakaunan syarikat.

2. KOD PERNIAGAAN

S1: Bagaimana syarikat boleh membuat semakan kod perniagaan?

J1: Kod perniagaan baru boleh didapati di portal rasmi LHDNM.

S2: Apakah kod perniagaan bagi syarikat pemegang pelaburan?

J2: Kod perniagaan bagi syarikat pemegang pelaburan ialah 64200.

S3: Syarikat telah mengisi kod perniagaan yang salah dalam Borang C, bolehkah syarikat membetulkan kod tersebut dalam Borang C tahun hadapan?

J3: Tidak boleh. Syarikat perlu mengemukakan surat makluman kepada cawangan yang mengendalikan fail cukai syarikat untuk membetulkan kesilapan tersebut.

3. PEMBUBARAN

S1: Bagaimanakah prosedur untuk memperolehi Sijil Penyelesaian Cukai bagi sebuah syarikat yang di bawah pembubaran?

J1: Syarikat hendaklah mengemukakan surat permohonan Sijil Penyelesaian Cukai kepada cawangan yang mengendalikan fail cukai syarikat.

S2: Bagaimana sekiranya syarikat berkeenaan tidak aktif (dorman)?

J2: Bagi syarikat tidak aktif (dorman), sila isi borang CP7 yang boleh diperolehi di portal rasmi LHDNM. CP7 ini juga perlu dihantar ke cawangan yang mengendalikan fail cukai syarikat.

S3: Perlukah syarikat dalam pembubaran menghantar Borang C?

J3: Ya, Borang C masih perlu dihantar walaupun syarikat adalah dalam proses Pembubaran.

4. RAYUAN

S: Syarikat ingin membuat rayuan ke atas Borang C yang telah dikemukakan, bagaimanakah prosedurnya?

J: a) Pindaan Taksiran Kurangan

Syarikat dikehendaki mengemukakan surat rayuan yang menerangkan dengan jelas pindaan yang hendak dibuat beserta dokumen berikut:

- i) Kepilkan bersama pengiraan cukai baru selepas pindaan.**
- ii) Salinan Borang C yang telah dihantar beserta pindaan.**

b) Pindaan Taksiran Tambahan

Sila isi Borang Nyata Terpinda yang boleh diperolehi di portal rasmi LHDNM.

Semua dokumen diatas perlu dikemukakan ke cawangan yang mengendalikan fail cukai syarikat.

5. TEMPOH ASAS

A. Perniagaan Baru – Akaun Baru Kurang Daripada 12 Bulan

S1: Syarikat baru memulakan perniagaan pada 01/4/2012 dan tempoh perakaunan berakhir pada 30/9/2012 hingga seterusnya. Apakah tempoh asas syarikat dan tarikh akhir penghantaran Borang C & R?

J1:

Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Tarikh Akhir Pengemukaan Borang
2012	1/4/2012 – 31/12/2012	30/4/2014
2013	1/10/2012 – 30/9/2013	30/4/2014

Tarikh akhir pengemukaan Borang C ialah 7 bulan dari tarikh akhir perakaunan sesuatu syarikat. Dalam kes ini, tarikh akhir pengemukaan Borang C bagi tahun taksiran 2012 dan 2013 ialah sama kerana terdapat pertindihan tempoh asas dalam tempoh perakaunan yang sama iaitu 1/10/2012 – 30/9/2012. Oleh itu, Borang C bagi tahun taksiran 2012 dan 2013 perlu dihantar serentak dalam tempoh 7 bulan dari 30/9/2013 iaitu selewat-lewatnya pada 30/4/2014.

B. Pertukaran Tarikh Perakaunan - Akaun Baru Melebihi 12 Bulan

S2: Syarikat yang biasanya menutup akaun pada 31/12 telah menukar tarikh perakaunannya kepada 30/4 dan menyediakan akaun seperti berikut:

01/1/2011 – 30/04/2012 (16 bulan) dan seterusnya pada 30/4 setiap tahun. Bilakah tarikh penghantaran Borang C bagi T/T 2011 & 2012?

J2: Sekiranya akaun ditutup pada 31 Disember dan kemudian syarikat menukar tempoh perakaunannya kepada tarikh lain, tempoh asas dalam tahun berlakunya pertukaran adalah tahun berakhir 31 Disember. Tempoh asas bagi tahun taksiran berikutnya juga adalah 31 Disember kecuali terdapat tempoh perakaunan mencukupi 12 bulan yang berakhir dalam tahun itu.

Tempoh asas adalah seperti berikut:

T/T 2010 : 1/1/2010 – 31/12/2010

T/T 2011 : 1/1/2011 – 31/12/2011

T/T 2012 : 1/1/2012 – 31/12/2012

T/T 2013 : 1/5/2012 – 30/04/2013

Oleh kerana tempoh asas 2011 dan 2012 jatuh pada tempoh perakaunan yang sama iaitu tahun berakhir 30/4/2012, maka penghantaran Borang C bagi TT2011 dan TT2012 adalah selewatnya pada 30 November 2012.

C. Tempoh Perakaunan Bagi Syarikat Di Bawah Pembubaran.

S3: Syarikat menutup akaun biasanya pada 31/12 setiap tahun. Syarikat mula dibubarkan pada 31/08/2010. Bagaimana cara untuk menentukan tempoh asas syarikat dan bilakah tarikh penghantaran Borang C?

J3: 1/9/2010 hingga 28/2/2011 (6 Bulan) Borang 75 SSM

1/3/2011 hingga 31/8/2011 (6 Bulan) Borang 75 SSM

Tempoh Perakaunan Asal: 1/1/2010 hingga 31/12/2010

Tempoh Perakaunan Baru: 1/1/2010 hingga 31/08/2010

Tempoh Perakaunan Berikutnya: 1/9/2010 hingga 31/8/2011

Tempoh Perakaunan Berikutnya: 1/9/2011 hingga 31/8/2012



Tempoh Asas Tahun Taksiran 2010 : 1/1/2010 hingga 31/12/2010
Tempoh Asas Tahun Taksiran 2011 : 1/9/2010 hingga 31/8/2011
Tempoh Asas Tahun Taksiran 2012 : 109/2011 hingga 31/8/2012

Maka Borang C Tahun Taksiran 2010 dan Tahun Taksiran 2011 perlu dihantar serentak dalam tempoh 7 bulan dari 31/8/2011 iaitu selewat-lewatnya 31/3/2012 kerana terdapat pertindihan tempoh asas. Bagi kedua-dua Borang C Tempoh Perakaunan yang perlu diisi ialah tempoh perakaunan terkini : 1/9/2010 hingga 31/8/2011.

6. ELAUN MODAL

Belanja Layak Kenderaan

S1: Jika syarikat membeli sebuah kenderaan sebagai aset syarikat yang berharga RM300,000.00, berapakah perbelanjaan layak bagi tuntutan elaun modal ke atas aset tersebut?

J1: Merujuk kepada Jadual 3, Para 2, jika sebuah kenderaan baru dibeli yang tidak dilesenkan untuk tujuan komersial pada atau selepas 28/10/2000, dan kos kenderaan tersebut tidak melebihi RM150,00.00 perbelanjaan layak kenderaan tersebut terhad RM100,000.00, jika syarat-syarat yang dinyatakan di atas tidak dipenuhi maka perbelanjaan layak terhad RM50,000.00. Peruntukkan ini tidak terpakai untuk kenderaan *reconditioned* dan kenderaan terpakai.

Kenderaan yang dilesenkan untuk pengangkutan barang atau penumpang secara komersial seperti lori, trak, bas, teksi atau kereta sewa tidak termasuk dalam sekatan tersebut. Perbelanjaan modal yang layak ialah kos kenderaan tersebut.

S2: Bilakah tarikh perbelanjaan layak dilakukan ditetapkan ?

J2: Perbelanjaan yang dilakukan akan dikaitkan kepada tempoh asas suatu tahun taksiran. Tempoh asas suatu tahun taksiran untuk tujuan elaun modal adalah tempoh asas suatu tahun taksiran bagi punca perniagaan itu. Tarikh berlakunya perbelanjaan seperti mengikut ini akan menentukan tempoh asas suatu tahun taksiran yang mana elaun modal layak dituntut bagi suatu punca perniagaan:

- a) Perbelanjaan bagi menyediakan loji dan jentera dianggap dilakukan pada hari loji dan jentera itu boleh digunakan bagi tujuan perniagaan, dan
- b) Dalam keadaan lain, perbelanjaan dilakukan apabila bayaran kena dibayar (becomes payable).

Sekiranya perbelanjaan atas loji dan jentera dilakukan untuk perniagaan yang akan dijalankan, perbelanjaan tersebut dianggap dilakukan apabila perniagaan mula dijalankan.

S3: Apakah syarat-syarat untuk menuntut Elaun Permulaan dan berapa pula kadarnya ?

J3: Untuk layak mendapat elaun permulaan atas loji dan jentera bagi sesuatu tahun taksiran, seseorang perlu mematuhi semua syarat berikut:

- a) menjalankan perniagaan dalam tempoh asas;
- b) melakukan perbelanjaan loji yang layak berhubung dengan aset itu dalam tempoh asas;
- c) aset itu digunakan bagi tujuan perniagaan; dan
- d) beliau adalah pemilik aset itu pada akhir tempoh asas (atau jika aset itu telah dilupuskan, pada masa pelupusan)

Apabila seseorang telah memenuhi syarat di atas, beliau akan diberi elaun permulaan sebanyak 1/5 (20%) daripada perbelanjaan yang layak.

Jika loji dan jentera telah dibeli dan dijual ataupun dilupuskan dalam tempoh asas, loji dan jentera itu hendaklah dimiliki dan digunakan oleh orang tersebut bagi tujuan perniagaan beliau sebelum ia dilupuskan.

Oleh itu, loji dan jentera tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan perniagaan pada penghujung tempoh asas tersebut untuk layak mendapat elaun permulaan.

Bagi kes perbelanjaan layak mengikut perenggan 2A, 2B atau 2C, tiada elaun permulaan yang boleh diberi berkaitan dengan aset tersebut.

S4: Apakah pula syarat-syarat untuk menuntut Elaun Tahunan dan berapakah kadarnya?

J4: Bagi melayakkan seseorang mendapat elaun tahunan bagi loji dan jentera untuk sesuatu tahun taksiran, orang itu hendaklah mematuhi semua syarat berikut:

- a) menjalankan perniagaan dalam tempoh asas;
- b) melakukan perbelanjaan loji yang layak berhubung dengan aset itu;
- c) aset itu digunakan bagi tujuan perniagaan; dan
- d) pada akhir tempoh asas, beliau ialah pemilik aset itu dan aset itu masih digunakan.

Elaun yang diberikan kepada seseorang berkaitan dengan perniagaannya bagi suatu tahun taksiran tidak boleh melebihi amaun belanja baki pada akhir tempoh asas untuk tahun itu - perenggan 18.

Kadar elaun tahunan mengikut jenis aset adalah seperti berikut:

Jenis Aset	Kadar
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan	10%
Loji dan jentera	14%
Jentera berat, kenderaan bermotor	20%

S5: Apakah Elaun Imbangan dan Kenaan Imbangan?

J5: Elaun imbangan dan kenaan imbangan adalah pelarasan yang perlu dibuat ke atas elaun permulaan atau elaun tahunan yang telah diberikan atau boleh diberikan (jika ia dituntut) apabila berlaku pelupusan loji dan jentera.

Apabila pelupusan berlaku dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu elaun imbangan akan diberi jika nilai pelupusan kurang daripada belanja baki iaitu sebanyak amaun yang berlebihan itu.

Sekiranya nilai pelupusan melebihi belanja baki, suatu kenaan imbangan yang bersamaan dengan lebihan tersebut akan dikenakan, dengan syarat, kenaan imbangan itu tidak boleh melebihi elaun sebenar yang telah diberikan kepada seseorang berhubung dengan loji dan jentera tersebut.

Belian Aset Sebelum Permulaan Perniagaan

S6: Jika sesuatu aset dibeli secara sewa beli pada bulan Ogos 2011 dan perniagaan bermula pada Oktober 2011. Semasa pembelian, syarikat telah membayar deposit dan ansuran bermula pada penghujung bulan Ogos 2011. Akaun pertama perniagaan disediakan pada 1/8/2011 hingga 31/8/2012 dan akaun kedua disediakan 1/9/2012 hingga 31/8/2013. Adakah perbelanjaan yang dibelanjakan oleh syarikat sebelum perniagaan bermula layak dianggap sebagai perbelanjaan layak bagi pengiraan elaun modal dalam tahun taksiran 2011?

J6: Perbelanjaan yang dilakukan sebelum tarikh perniagaan bermula akan dianggap dibelanjakan pada aset tersebut boleh digunakan bagi tujuan perniagaan iaitu pada tarikh perniagaan bermula Para 55(a) Jadual 3 ACP 1967.

Tuntutan Elaun Modal Bagi Tempoh Asas Bertindih

S7: Jika sesebuah syarikat mempunyai tempoh asas yang bertindih, bagaimana dengan tuntutan elaun modal.

J7: Bagi tempoh asas yang bertindih, sekiranya syarikat memperolehi apa-apa aset dalam tempoh tersebut, Elaun Permulaan hanya boleh dituntut dalam tempoh asas yang pertama dan bagi Elaun Tahunan syarikat layak menuntut dalam kedua-dua tempoh asas. (Para 78, 79 Jadual 3 ACP 1967)

Contoh :

Syarikat memulakan operasi pada 30/1/2012. Tarikh perakaunan pertama syarikat ini berakhir 30/6/2013. Pada tahun 2012 syarikat telah membeli sebuah lori berharga RM100,000.00. Elaun permulaan adalah RM20,000.00 dan Elaun tahunan adalah RM20,000.00. Pendapatan larasan bagi tahun taksiran tersebut adalah:

<i>Tahun Taksiran</i>	<i>Pendapatan Larasan (RM)</i>
<i>2012</i>	<i>700,000.00</i>
<i>2013</i>	<i>900,000.00</i>

Pengiraan jumlah pendapatan adalah seperti berikut:

T/T 2012 (Tempoh asas 30.01.2012-31.12.2012)

Pendapatan larasan perniagaan RM 700,000.00

Elaun modal

-Elaun Permulaan RM 20,000.00

-Elaun Tahunan RM 20,000.00

RM 40,000.00

Pendapatan berkanun./ Jumlah pendapatan RM 660,000.00

T/T 2013 (Tempoh asas 01.07.2012-30.06.2013)

Pendapatan larasan perniagaan RM 900,000.00

Elaun modal

-Elaun Tahunan RM 20,000.00

RM 20,000.00

Pendapatan berkanun./ Jumlah pendapatan RM 880,000.00

Perjanjian Sewa Beli

S8: Syarikat telah membeli loji dan jentera secara sewa beli. Bagaimanakah pengiraan elaun modal ke atas loji dan jentera tersebut ?

J8: Apabila syarikat membeli sebuah loji dan jentera melalui perjanjian sewa beli, syarikat itu bukan lagi tuan punya loji dan jentera tersebut sehingga bayaran terakhir telah dijelaskan. Perjanjian sewa beli yang ditandatangani akan menyatakan amaun bayaran bulanan yang dibayar kepada syarikat kewangan yang memberi pinjaman sebagai bayaran ansuran aset itu. Apabila semua bayaran ansuran telah dijelaskan, syarikat yang menjelaskan bayaran tersebut akan menjadi tuan punya aset tersebut.

Bagi tujuan elaun modal, syarikat yang membeli loji dan jentera secara sewa beli bagi tujuan perniagaannya adalah disifatkan sebagai tuan punya loji atau jentera tersebut. Perbelanjaan layak yang dilakukan dalam mana-mana tempoh asas adalah bahagian modal mana-mana ansuran yang dibayar oleh beliau dalam tempoh asas tersebut mengikut syarat-syarat perjanjian sewa beli. Faedah yang termasuk dalam ansuran tersebut dibenarkan sebagai potongan apabila mengira pendapatan laranan.

Contoh :

Syarikat ABC Sdn Bhd menutup akaun pada 31 Disember telah membeli loji secara perjanjian sewa beli. Harga tunai loji tersebut adalah RM15,000. Syarikat membayar deposit berjumlah RM6,000 pada 1.2.2008. Mengikut syarat perjanjian, syarikat dikehendaki membayar RM485 setiap bulan selama 24 bulan mulai 1.3.2008.

Pengiraan bayaran ansuran seperti berikut:

	RM
<i>Deposit</i>	<i>6,000</i>
<i>Ansuran (24 x 485)</i>	<i>11,640</i>
	<i>17,640</i>
<i>Tolak: Harga tunai</i>	<i>15,000</i>
<i>Faedah</i>	<i>2,640</i>
<i>Faedah sewa beli bulanan 2,640/24 =</i>	<i>RM110</i>
<i>sebulan</i>	

Oleh itu, ansuran modal pada setiap bulan adalah RM485 - RM110 = RM375.

ATAU

Ansuran modal = (15,000 - 6,000) / 24 = 375 sebulan

Pengiraan elaun modal adalah seperti berikut:

<i>Loji dan jentera (14%)</i>		RM
<i>Perbelanjaan layak</i>		15,000
<u><i>T/T 2008</i></u>		
<i>Deposit</i>		6,000
<i>Ansuran modal (375 x 10)</i>		3,750
		9,750*
<i>Elaun permulaan (9,750 x 20%)</i>	1,950	
<i>Elaun tahunan (9,750 x 14%)</i>	1,365	3,315
<i>Belanja baki</i>		6,435

T/T 2009

<i>Ansuran modal (375 x 12)</i>		4,500*
		10,935

<i>Elaun permulaan (4,500 x 20%)</i>	900	
<i>Elaun tahunan (14,250 x 14%)</i>	1,995	2,895
<i>Belanja baki</i>		8,040

T/T 2010

<i>Ansuran modal (375 x 2)</i>		750*
		8,790
<i>Elaun permulaan (750 x 20%)</i>	150	
<i>Elaun tahunan (15,000* x 14%)</i>	2,100	2,250
<i>Belanja baki</i>		6,540

TT 2011

<i>Elaun tahunan</i>		2,100
<i>Belanja baki</i>		<u>4,440</u>

* Jumlah ansuran modal sehingga TT 2010:
 $RM9,750 + RM4,500 + RM750 = RM15,000$

Pelupusan Aset

S9: Syarikat telah melupuskan aset yang telah digunakan dalam perniagaan. Bagaimanakah kesan pada tuntutan elaun modal ?

J9: Pelupusan loji dan jentera yang telah digunakan untuk tujuan perniagaan yang mana perbelanjaan layak telah dilakukan, berlaku jika loji dan jentera itu dijual, dibuang, dimusnahkan atau jika ia tidak digunakan lagi bagi tujuan perniagaan.

Apabila suatu aset telah dilupuskan, nilai pelupusannya ialah amaun yang bersamaan dengan nilai pasaran pada tarikh pelupusan. Jika dalam keadaan berlakunya jualan, pemindahan atau penyerahakan:

- a) amaun bersamaan nilai pasaran pada tarikh jualan, pemindahan atau penyerahakan, atau
- b) harga bersih jualan, pemindahan atau penyerahakan, yang mana lebih tinggi.

Jika aset tersebut telah dilupuskan dalam keadaan wang insurans atau pampasan diterima, nilai pelupusan ialah nilai pasaran pada tarikh pelupusan atau penerimaan wang insurans atau pampasan, yang mana lebih tinggi.

Nilai pasaran telah diinterpretasikan mengikut subseksyen 2(1) sebagai harga yang boleh diperolehi jika jualan tersebut dilakukan antara dua orang yang menjalankan urusan niaga secara bebas.

Dalam mengira kenaikan imbalan atau elaun imbalan harga jualan aset akan diambil kira. Kadangkala harga jualan ini tidak diperolehi balik atau tidak diperolehi balik sepenuhnya daripada pembeli dan terbukti sebagai hutang lapuk sepenuhnya atau sebahagiannya.

Dalam kes begini, tiada potongan boleh diberi mengikut subseksyen 34(2). Hutang ini tidak diambil kira sebagai suatu perbelanjaan perdagangan/perniagaan kerana ia adalah suatu urusan niaga modal.

Aset dimiliki kurang dari 2 tahun

S10: Syarikat telah melupuskan loji dan jentera yang dimiliki kurang dari 2 tahun. Apakah kesan kepada elaun modal yang telah dituntut oleh syarikat tersebut?

J10: Apabila syarikat telah melakukan perbelanjaan layak atas loji dan jentera dan aset tersebut dimiliki olehnya kurang dari dua tahun daripada tarikh perbelanjaan dilakukan, KPHDN boleh mengarah supaya elaun modal yang boleh diberikan kepada syarikat tersebut tidak diberikan kepadanya. Jika elaun modal telah diberikan, elaun tersebut perlu ditarik balik dengan mengira kenaikan imbalan bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang mana aset itu dilupuskan.

Peruntukan ini tidak perlu digunakan jika terdapat sebab-sebab yang sebenar untuk melupuskan sesuatu aset. Contohnya selepas menggunakan suatu loji atau jentera selama enam bulan, pembayar cukai mendapati bahawa loji dan jentera itu tidak kos efektif dan menggantikannya dengan sebuah loji dan jentera yang lebih sesuai. Oleh itu elaun modal boleh diberikan.

Peruntukan ini juga tidak terpakai jika aset itu mempunyai jangka hayat yang tidak panjang seperti perisian komputer.

Elaun Modal Dibawa Ke hadapan

S11: Adakah elaun modal yang tidak boleh diserap sepenuhnya di dalam semasa boleh di bawa hadapan?

J11: Jika dalam mana-mana tahun taksiran, elaun modal tidak boleh ditolak sepenuhnya kerana kurang atau tiada pendapatan larasan atau kerana adanya rugi larasan, baki elaun itu akan dibawa ke hadapan dan dibenarkan tolakan daripada pendapatan larasan daripada punca perniagaan yang sama. Tolakan ini dibenarkan bagi tempoh asas yang berikutnya sehingga semua elaun tersebut habis ditolak.

Sekiranya pembayar cukai mempunyai lebih daripada satu punca perniagaan, elaun modal perlu dikira secara berasingan kerana elaun modal hanya boleh diberikan berhubung dengan perniagaan yang mana loji dan jentera itu digunakan. Elaun modal bagi aset yang digunakan untuk sebuah perniagaan tidak boleh dibenarkan dalam mengira pendapatan berkanun daripada perniagaan yang lain. Jika sebuah perniagaan dihentikan dan terdapat elaun modal yang masih tidak boleh diserapkan, baki yang tidak dapat diserapkan itu akan terhapus dan tidak dapat digunakan lagi.

7. PEMBAYARAN CUKAI

Pindahan Kredit Cukai Terlebih Bayar

S1: Syarikat mempunyai cukai yang terlebih bayar selepas mengemukakan Borang C, bolehkah syarikat membuat permohonan untuk menggunakan kredit cukai tersebut di 'offset' dengan bayaran ansuran cukai tahun berikutnya? Jika tidak, apakah prosedurnya untuk meminta bayaran balik kredit cukai tersebut?

J1: Permohonan secara bertulis perlu dikemukakan ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan syarikat.

Bayaran ansuran baki cukai kena dibayar

S2: Syarikat mendapati ada baki cukai perlu dibayar, bolehkah syarikat memohon bayaran secara ansuran?

J2: Permohonan secara bertulis perlu dikemukakan ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan syarikat.

8. INSENTIF

Elaun Pelaburan Semula (EPS)

S1: Perlukah Borang EPS bagi tuntutan Elaun Pelaburan Semula dihantar ke Cawangan Syarikat dan juga ke Jabatan Dasar Percukaian? Adakah kelulusan EPS perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum Borang C dikemukakan kepada Jabatan Pemprosesan Maklumat?

J1: Berkuatkuasa mulai 17/8/2012, Borang Tuntutan Galakan tidak perlu lagi dikemukakan kepada Jabatan Dasar Percukaian, LHDNM. Borang tuntutan galakan ini hendaklah disimpan oleh syarikat yang menuntut bersama-sama dengan dokumen-dokumen sokongan bagi tujuan audit.

S2: Jika dalam tahun semasa, syarikat yang telah mendapat insentif Elaun Pelaburan Semula tidak membuat apa-apa perbelanjaan dan hanya menuntut perbelanjaan Elaun Pelaburan Semula yang tidak dapat diserap daripada tahun-tahun sebelum, adakah syarikat perlu menghantar Borang Tuntutan Elaun Pelaburan Semula atau menulis surat bagi memaklumkan Jabatan Dasar Percukaian?

J2: Tidak perlu.

Taraf Perintis

S3: Bolehkah syarikat yang mempunyai perniagaan selepas perintis menuntut elaun modal dan rugi yang tidak diserap dalam tempoh selepas perintis tersebut dengan produk yang tidak mendapat taraf perintis atau dibawa ke tempoh asas yang berikutnya.

J3: Boleh, kerana bagi perniagaan selepas perintis, status taraf perintis yang telah diberikan telah tamat dan ia dianggap sebagai satu perniagaan baru.

10. AUDIT CUKAI

S1: Apa itu audit cukai?

J1: Audit cukai ialah pemeriksaan rekod perniagaan dan hal ehwal kewangan pembayar cukai. LHDNM menjalankan dua (2) jenis audit, iaitu audit meja dan audit luar.

1. Audit Meja

Audit meja dijalankan di pejabat LHDNM. Ia melibatkan isu-isu yang mudah atau pelarasan cukai yang boleh diselesaikan melalui surat menyurat. Pembayar cukai mungkin dipanggil ke pejabat LHDNM untuk ditemuduga sekiranya maklumat lanjut diperlukan.

Secara umum, audit meja melibatkan pemeriksaan ke atas semua maklumat pendapatan dan perbelanjaan serta pelbagai jenis tuntutan yang dibuat oleh pembayar cukai dalam borang nyata cukai pendapatan.

Bagi kes-kes tertentu, kes audit meja boleh dirujuk untuk tindakan audit luar. Dalam keadaan tersebut, pembayar cukai akan dimaklumkan melalui surat pemberitahuan lawatan audit sebagaimana proses biasa permulaan sesuatu tindakan audit luar dijalankan.



2. Audit Luar

Audit luar dijalankan di premis pembayar cukai. Ia melibatkan semakan rekod perniagaan dan pemerhatian ke atas aktiviti perniagaan. Pembayar cukai akan dimaklumkan terlebih dahulu sebelum sesuatu tindakan audit luar dijalankan.

S2: Saya menerima surat pemberitahuan audit. Kenapa saya diaudit? Apa yang perlu saya lakukan?

J2: Audit cukai dijalankan bagi memastikan pendapatan yang sepatutnya dilaporkan dan cukai yang sepatutnya dikira serta dibayar mengikut undang-undang dan peraturan percukaian.

Langkah-langkah yang perlu dilakukan :

1. Audit Meja

- a) Menghubungi pegawai audit/pengurus audit Cawangan LHDNM yang berkenaan bagi tujuan pengesahan audit.
- b) Menyediakan semua dokumen yang diminta seperti dalam surat pemberitahuan audit.
- c) Hadir di pejabat LHDNM mengikut masa yang ditetapkan.

2. Audit Luar

- a) Menghubungi pegawai audit/pengurus audit Cawangan LHDNM yang berkenaan bagi tujuan pengesahan audit.
- b) Menyediakan semua dokumen yang diminta seperti dalam surat pemberitahuan audit.
- c) Melihat kad kuasa bagi mengesahkan kesahihan identiti pegawai audit. Anda juga boleh menyemak dengan Cawangan LHDNM yang berkenaan jika merasa sangsi terhadap kesahihan identiti pegawai audit.
- d) Memberikan kerjasama dan menyediakan kemudahan serta bantuan yang munasabah.

S3: Bagaimana penalti audit dikira?

J3: Sekiranya terdapat kekurangan atau ketinggalan pendapatan berikutan daripada penemuan audit, penalti akan dikenakan dibawah subseksyen 113(2) atau perenggan 44B(7)(b) yang masing-masing bersamaan dengan amaun cukai yang terkurang (100%). Walaubagaimanapun, KPHDN boleh menggunakan budibicara bagi mengenakan penalti pada kadar 45% atas cukai yang terkurang untuk kesalahan pertama. Kadar penalti konsesi boleh dikenakan bagi kes-kes di mana pengakuan secara sukarela dibuat oleh pembayar cukai. Jadual kadar penalti yang melibatkan kes-kes pengakuan secara sukarela boleh disemak di Rangka Kerja Audit Cukai di Laman Web LHDNM. Bagi setiap kesalahan yang berulang, kadar yang akan dikenakan adalah sebanyak 10% lebih tinggi daripada kadar penalti yang telah dikenakan atas kesalahan terdahulu, tetapi tidak melebihi 100% daripada jumlah cukai yang terkurang dikenakan.

S4: Apa yang boleh saya lakukan jika saya tidak bersetuju dengan keputusan audit?

J4: Jika anda tidak berpuashati dengan cadangan pelarasan cukai selepas audit, anda boleh membuat bantahan secara rasmi dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat pemberitahuan pelarasan dengan mengemukakan maklumat tambahan dan bukti-bukti untuk menyokong bantahan.

Jika taksiran tambahan selepas audit telah dibangkitkan, pembayar cukai boleh membuat rayuan dengan mengemukakan Borang Q kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam tempoh 30 hari selepas penyampaian notis taksiran tambahan.

S5: Bolehkah saya menyelesaikannya cukai tambahan selepas audit secara ansuran?

J5: LHDNM boleh mempertimbangkan permohonan pembayar cukai untuk menjelaskan bayaran cukai tambahan dan penalti secara ansuran. Permohonan bayaran ansuran perlu dikemukakan kepada Pengarah Cawangan LHDNM yang berkenaan untuk kelulusan.

S6: Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut berkenaan audit cukai?

J6: Sila layari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my > Undang-Undang dan Peraturan > Rangka Kerja Audit LHDNM



10. SYARIKAT PEMEGANG PELABURAN

- S:** Bagaimana Syarikat Pemegang Pelaburan (S60F) ingin melaporkan pendapatan dan perbelanjaan yang dibenarkan dalam Borang C?
- J:** Bagi maklumat pendapatan, sila laporkan di bahagian "Pendapatan Berkanun Lain". Bagi maklumat perbelanjaan dibenarkan, sila laporkan di bahagian "Perbelanjaan dibenarkan dibawah seskyen 60F atau 60H dan pengecualian pendapatan yang diluluskan Menteri dibawah seskyen 127".

Disediakan oleh:

Jawatankuasa Pengemaskinian Soalan Lazim dan Pangkalan Ilmu
Pusat Khidmat Pelanggan
Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Julai 2014